



UMP dan ECERDC anjur program motivasi perdana untuk calon UPSR luar bandar

Dalam usaha membantu meningkatkan pencapaian pelajar sekolah luar bandar, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama pihak Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Jaya dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menganjurkan program Motivasi Perdana UPSR 2014 bertempat di sekolah itu pada 16 Ogos 2014 yang lalu.

Seramai 200 peserta yang terdiri daripada pelajar dan ibu bapa yang menyertai program sebagai persediaan pelajar menghadapi peperiksaan UPSR tidak lama lagi. Majlis perasmian dirasmikan oleh Pegawai Daerah Pekan, Asiah Hamzah yang turut sama-sama memberi sokongan motivasi kepada anak-anak yang bakal menduduki peperiksaan itu.

Dalam ucapannya beliau berkata, peranan ibu bapa amat penting dalam melahirkan anak yang cemerlang.

“Peranan ibu bapa ini amat besar iaitu mereka lah jurulatih, mentor, sahabat dan guru di rumah. Jadi dengan program ini bukan sahaja untuk meningkatkan motivasi pelajar malah kepada ibu bapa juga.

“Dengan sokongan ibu bapa, pihak swasta dan komuniti dapat memantapkan lagi pencapaian cemerlang pelajar,” katanya.

Menurut Pengurus Kanan Bahagian Pembangunan Sosial ECERDC, Mohd Prasad Hanif pula, sesi motivasi ini merupakan salah satu usaha yang dilaksanakan oleh ECERDC di bawah program *empower* yang direka khusus memberi inspirasi dan menggalakkan para pelajar agar berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Manakala menurut Pengarah Program UMP-ECERDC, Zainal Bahari, program sehari ini sememangnya dirancang bagi memberi penekanan terhadap



kekuatan mental dalam situasi pelajar menghadapi peperiksaan.

Selain itu juga, ia juga dapat meningkatkan motivasi pelajar dan ibu bapa agar terus berkeyakinan untuk cemerlang dalam pembelajaran dan menghadapi peperiksaan UPSR tidak lama lagi.

Antara pengisian program adalah slot motivasi perdana

murid dan ibu bapa serta sesi dialog bagi membincangkan permasalahan menangani emosi anak bagi menghadapi peperiksaan.

Hadir sama Guru Kaunseling Sekolah Kebangsaan Tanjung Batu, Mohd Ramdzan Mohd Zain dan guru Sekolah Kebangsaan Pekan Jaya merangkap Setiausaha Peperiksaan, Nor Azah Abdullah Sani.